

Kenyataan Media Berkaitan Bantuan Untuk Memulihkan Usahawan Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana Yang Terjejas Akibat Banjir

By : Media Statement

Date : 24/01/2022

KENYATAAN MEDIA YAB PERDANA MENTERI

BANTUAN UNTUK MEMULIHKAN USAHAWAN PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) YANG TERJEJAS AKIBAT BANJIR

Bagi meringankan beban rakyat yang terjejas akibat banjir, Kerajaan telah memperkenalkan pakej Bantuan Banjir Keluarga Malaysia berjumlah RM1.4 bilion yang merangkumi bantuan tunai, pembaikan rumah dan fasiliti awam.

Sebagai tindakan seterusnya, Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang saya pengerusikan hari ini telah membincangkan secara terperinci mengenai impak banjir ke atas Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) termasuk peniaga informal.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Bersekutu Malaysia (ACCCIM), Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Bersekutu Malaysia (MAICCI) serta Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah berkongsi impak akibat banjir. Mereka turut mencadangkan beberapa tindakan bagi membolehkan PMKS bangkit semula.

Mesyuarat turut mendengar keluhan daripada dua orang usahawan PMKS dari Taman Sri Muda, Shah Alam dan Taman Sri Nanding, Hulu Langat yang terjejas teruk bagi mendapatkan gambaran sebenar kerugian, kesan dan masalah yang mereka hadapi.

Secara prinsip, mesyuarat bersetuju untuk mempertimbangkan bantuan berbentuk geran khusus bagi meringankan beban yang ditanggung oleh usahawan mikro dan informal yang terjejas akibat banjir selain bantuan kewangan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan.

Sehubungan itu, Kementerian Kewangan (MOF) akan mengadakan perbincangan lanjut bersama MEDAC, kementerian dan agensi berkaitan serta Dewan-Dewan Perniagaan bagi memperhalusi cadangan-cadangan yang telah dibentangkan untuk pertimbangan Kerajaan.

Lawatan susulan ke lokasi yang dikenalpasti akan diadakan bagi memastikan program bantuan banjir PMKS sampai ke kumpulan sasaran.

Insyallah, saya akan mengumumkan inisiatif ini setelah diperhalusi dan dimuktamadkan.

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia kekal terjamin.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

24 JANUARI 2022

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/01/kenyataan-media-berkaitan-bantuan-untuk-memulihkan-usahawan-perusahaan-mikro-kecil-dan-sederhana-yang-terjejas-akibat-banjir/>